



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2008

KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah.

LATAR BELAKANG

2. Tambang Mengunjungi Wilayah Asal disediakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah sebagai suatu kemudahan untuk membolehkan pegawai dan ahli keluarganya mengunjungi wilayah asal. Kemudahan ini telah dilaksanakan melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987, Pekeling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1997, Surat Pekeling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2006 dan surat edaran JPA(S)63/75/2/(SV61) bertarikh 12 Oktober 2000.

TAFSIRAN

3. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- a. “bandar utama” bermaksud:
 - i. Labuan bagi Wilayah Labuan;
 - ii. Kuching, Sibu, Bintulu atau Miri bagi Wilayah Sarawak; dan
 - iii. Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu atau Tawau bagi Wilayah Sabah.
- b. “ibu negeri wilayah asal” bermaksud Kuala Lumpur, Putrajaya atau ibu negeri bagi negeri-negeri di Wilayah Semenanjung Malaysia;
- c. “keluarga pegawai” bermaksud isteri atau suami dan anak-anak pegawai di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungan pegawai, termasuk anak tiri dan anak angkat yang diambil mengikut undang-undang. Bagi anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had umur di atas tidak terpakai;
- d. “wilayah asal” bermaksud:
 - i. wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama;
 - ii. sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza, pegawai boleh memilih sama ada wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sebagai wilayah asalnya;
 - iii. bagi pegawai yang ibu bapanya memperolehi taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah

- merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika mereka memperolehi Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia; dan
- iv. sekiranya terdapat kes-kes lain selain yang dijelaskan di perenggan (i), (ii) dan (iii) di atas, pegawai bolehlah merujuk kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan.
- e. “wilayah” bermaksud Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak atau Labuan; dan
- f. “pegawai yang bertukar wilayah” bermaksud pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya.

PELAKSANAAN

4. Pelaksanaan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal adalah seperti berikut:
- a. pegawai hendaklah mengisyiharkan wilayah asalnya tertakluk kepada sekali pengisyiharan dalam tempoh perkhidmatan dan dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai;
- b. tambang perjalanan pergi dan balik disediakan dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke ibu negeri wilayah asal atau bandar utama di wilayah asal;
- c. kadar tambang adalah meliputi keseluruhan kos tambang pengangkutan termasuk tambang kapal terbang yang merangkumi harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang, insurans

penumpang dan surcaj bahan api. Perbelanjaan lain seperti penginapan, makan dan sebagainya adalah tanggungan pegawai sendiri;

- d. menggunakan perkhidmatan kapal terbang yang disediakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;
- e. isteri atau suami pegawai boleh disediakan tambang mengikut kelayakan pegawai manakala tambang bagi anak pegawai adalah Kelas Ekonomi;
- f. kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh satu tahun perkhidmatan pegawai di wilayah penempatan. Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal yang tidak digunakan dalam tempoh tersebut akan luput dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan;
- g. pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan bagi membolehkan pegawai menggunakan kemudahan ini pada kali pertama. Tempoh 6 bulan berkenaan bermula dari tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan. Kelayakan untuk kali kedua dan seterusnya ialah pada bila-bila masa dalam tahun berikutnya selepas tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan;
- h. tempoh pegawai bercuti tanpa gaji atau separuh gaji tidak boleh diambil kira untuk menentukan kelayakan kemudahan ini. Tempoh cuti tersebut hendaklah ditambah kepada tempoh perkhidmatan pegawai untuk menentukan kelayakan kemudahan seterusnya;
- i. bagi pegawai dan isteri atau suami yang kedua-duanya bertukar wilayah, hanya seorang sahaja layak menggunakan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal untuk membawa keluarga mengunjungi wilayah asal dalam sesuatu tahun manakala suami atau

isterinya boleh menggunakan kemudahan tambang tersebut atas kadar bujang mengikut kelayakan yang ditetapkan dalam tempoh yang sama;

- j. pegawai yang menggunakan Elaun Balik Kampung yang diperuntukkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan pegawai lain dalam Kumpulan Sokongan yang bertukar wilayah dan berkhidmat di sekolah pedalaman tidak layak menggunakan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal. Walau bagaimanapun, isteri atau suami pegawai boleh menggunakan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal atas kadar bujang dalam tempoh yang sama;
- k. bagi isteri atau suami atau anak-anak yang tidak mengikut pegawai bertukar wilayah dibenarkan menggunakan tambang ini untuk melawat pegawai;
- l. pegawai yang belum berkahwin yang balik ke wilayah asalnya dengan menggunakan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal atau atas pembiayaan sendiri untuk berkahwin, boleh disediakan tambang perjalanan untuk membawa isteri atau suaminya ke wilayah penempatan pegawai;
- m. permohonan untuk menggunakan kemudahan tambang ini hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A**, Pekeliling Perkhidmatan ini; dan
- n. Ketua Jabatan hendaklah memastikan penggunaan kemudahan tambang ini dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Pegawai.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 3(b) dan 5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan

7 Tahun 1997, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2006 dan surat edaran JPA(S)63/75/2/(SV61) bertarikh 12 Oktober 2000 adalah dibatalkan.


TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA
16 Disember 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



LAMPIRAN A

BORANG PERMOHONAN KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL (Pekeling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008)

A. BUTIR DIRI PEGAWAI

1. Nama :
2. Gred / Pangkat :
3. Alamat Rumah :
.....
.....
4. Wilayah Asal :
5. Ibu Negeri Wilayah Asal/ Bandar Utama :
6. Tarikh Lapor Diri Di Wilayah Baru :
7. Tarikh Terakhir Kemudahan Digunakan :
8. Tarikh Kemudahan Diperlukan :
9. Tambang Untuk Ahli Keluarga :

Nama	Umur	Hubungan
i.
ii.
iii.
iv.
v.
vi.

(Sila gunakan lampiran jika ruangan ini tidak mencukupi)

B. PERMOHONAN PEGAWAI (sila tanda ✓ di ruangan yang berkaitan)

Saya memohon menggunakan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal untuk:

- i. diri sendiri ke *ibu negeri wilayah asal/bandar utama
- ii. diri dan *isteri/suami/anak ke *ibu negeri wilayah asal/bandar utama
- iii. *isteri/suami/anak dari *ibu negeri wilayah asal/bandar utama untuk melawat saya

C. PENGAKUAN PEGAWAI

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan Pegawai :

Tarikh :

KEGUNAAN PEJABAT

***LULUS / TIDAK LULUS**

Tandatangan Ketua Jabatan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

** Potong mana yang tidak berkenaan*